

Dr Mahathir cadang golongan agama bebas sertai jawatankuasa hudud
Malaysian Insider
May 6, 2014

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata ahli jawatankuasa teknikal hudud mesti terdiri daripada golongan agama yang bebas daripada parti politik, lapor Malaysiakini.

Beliau berkata, perkara itu perlu bagi menyekat pengaruh kepartian sama ada daripada parti kerajaan mahupun pembangkang dalam membincangkan undang-undang jenayah Islam itu.

Dr Mahathir berkata, sekiranya ia tidak dilakukan dikhuatiri salah satu pihak boleh mendapat manfaat daripadanya.

"Perkara penting dalam hal ini ialah jawatankuasa perlu dianggotai golongan agama yang betul dan tidak terlibat dengan mana-mana politik.

"Mereka bertindak mengkaji dan memberikan fatwa.

"(Sekarang ini) mereka sebenarnya memainkan isu parti dan mereka akan bertindak berat sebelah (dalam jawatankuasa)," katanya selepas hadir mengikuti prosiding perbicaraan Kassim Ahmad pagi ini, lapor laman web itu.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakub sebelum ini memaklumkan kerajaan negeri akan membawa usul persendirian ke Dewan Rakyat untuk membolehkan undang-undang hudud dilaksanakan di Kelantan.

Ia susulan jaminan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Bahrom di Dewan Rakyat iaitu kerajaan pusat akan membantu mana-mana negeri yang mahu melaksanakan undang-undang itu.

Sehubungan itu, jawatankuasa teknikal dicadang oleh kerajaan pusat untuk dibentuk bagi membincangkan pelaksanaannya. – 6 Mei 2014.